



**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KIMIA MALAYSIA
MEI 2023**

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA
PUAN HALIMAH BINTI ABDUL RAHIM
KETUA PENGARAH
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**17 MEI 2023
DEWAN SYARAHAN BANGUNAN FORENSIK,
PUSAT ANALISIS SAINS FORENSIK
IBU PEJABAT PETALING JAYA
9.00 PAGI**

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

- **Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, Salam**

Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.

- **Yang Berusaha En. Shaari bin Desa**

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Pn. Rusnah binti Rohani**

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Kanan**

- **Pengarah-Pengarah Bahagian, Negeri dan Cawangan**

Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA Malaysia yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia bagi bulan Mei tahun 2023 ini.
2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada **Pusat Industri** selaku penganjur Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini.
3. Hadirin sekalian, kita dikejutkan dengan berita pemergian seorang warga KIMIA Malaysia, Cik Aisah binti Amsah, Pembantu Pustakawan semalam 16 Mei 2023 di Hospital Lahad Datu. Marilah kita sama-sama sedekahkan Al Fatihah, semoga roh Allahayyarhamah dicucuri rahmah dan ditempatkan di kalangan orang beriman. Al Fatihah.

PENDAHULUAN

Hadirin sekalian,

4. Saya amat memahami bahawa kita masih lagi berada di *mood* raya dengan hari ini merupakan hari ke 26 Syawal di bulan mulia ini.
5. Berbeza dengan negara atau budaya lain, Hari Raya Aidilfitri di Malaysia disambut selama sebulan dan biasanya mengamalkan tradisi yang popular iaitu rumah terbuka. Bak kata rakyat Malaysia hari ini, “Raya kan sebulan”.

UCAPAN PENGHARGAAN & TAHNIAH

6. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada jawatankuasa Majlis Sambutan Hari Terbuka AidilFitri yang telah diadakan pada 9 Mei yang lalu.
7. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada tetamu-tetamu kehormat yang hadir terutamanya YBhg Datuk Ts Dr Haji Aminuddin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI.
8. Saya juga berkesempatan untuk menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya tidak kurang hebatnya di KIMIA Johor yang diadakan bersempena majlis persaraan sahabat karib saya iaitu, YBrs. Puan Norizan Jaafar, Pengarah KIMIA Johor.

9. Ucapan tahniah diucapkan kepada barisan ahli jawatankuasa bagi majlis-majlis tersebut kerana telah bertungkus lumus dalam penganjuran majlis yang sangat baik.

LAWATAN KETUA PENGARAH KE NEGERI

Hadirin sekalian

10. Ucapan penghargaan seterusnya saya tujukan kepada Pengarah-Pengarah dan Warga kerja KIMIA Pulau Pinang dan KIMIA Kedah atas sambutan bagi sesi lawatan turun padang saya ke sana.
11. Lawatan kerja ini adalah merupakan KPI bagi Ketua Pengarah dan In sha Allah, perkara-perkara yang berbangkit, akan saya bawa untuk perbincangan bersama pengurusan tertinggi jabatan dan kita akan lihat kesesuaian bagi penyelesaian isu-isu yang telah diketengahkan.

PERSARAAN

12. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah bersara seperti berikut:
 - **Encik Nor Azman Bin Ariffin, Pembantu Operasi Gred N14 bersara wajib pada 03 Mei 2023.**

- **Puan Norizan binti Jaafar, Pengarah KIMIA Johor bersara wajib pada 11 Mei 2023.**

13. Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan yang telah diberikan kepada jabatan.
14. Marilah kita bersama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan yang akan dilalui oleh mereka akan dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta bahagia di samping keluarga tersayang.

KENAIKAN PANGKAT & PEMANGKUAN

15. Dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pegawai-pegawai berikut atas kenaikan pangkat dan pemangkuan jawatan mereka.

- **KENAIKAN PANGKAT**

- a. Tahniah kepada **Puan Musalmah Binti Jobli, Pembantu Tadbir W26 (kewangan)** yang telah diluluskan kenaikan pangkat berkuatkuasa **01 Julai 2022.**

- **PEMANGKUAN**

- b. Tahniah Kepada :

- i. **Encik Amran Bin Samsudin**, Pembantu Operasi N14 (KUP) Ke Gred N16 (M) dari Pusat Industri ke Pusat Forensik 03 April 2023.
- ii. **Encik Zuwairey Ahmad Amzarey Bin Mahyuddin**, Pembantu Operasi N11 ke N14 (M) di Pusat Forensik berkuatkuasa 03 April 2023.
- iii. **Puan Radziah Binti Ibrahim**, Pembantu Operasi Pembantu Operasi N11 ke N14 (M) di KIMIA Johor berkuatkuasa 03 April 2023.
- iv. **Encik Faizal Hussain Bin Sambo @ Sambu**, Pembantu Operasi N11 ke N14 (M) di KIMIA Sarawak berkuatkuasa 03 April 2023.
- v. **Encik Mohd Azam Bin Arshad**, Pembantu Operasi N11 ke N14 (M) dari Pusat Sekitaran ke Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat berkuatkuasa 10 April 2023.
- vi. **Encik Jalal Bin Parmin**, Pembantu Operasi N11 ke N14 (M) di KIMIA Perak berkuatkuasa 10 April 2023.

ISU-ISU PENTADBIRAN

16. Saya ingin menyatakan beberapa perkara berkaitan untuk makluman Tuan/Puan:

● **MAKLUMAT PERMOHONAN PENGISIAN DI GRED LANTIKAN TAHUN 2023**

- a. Sukacita dimaklumkan bahawa, pada tahun 2023, KIMIA Malaysia telah diluluskan pengisian jawatan gred lantikan sebanyak 28 jawatan.
 - b. Kelulusan ini telah diluluskan oleh bahagian perjawatan dan organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam.
 - c. Skim perkhidmatan yang terlibat adalah seperti berikut:
 - i. Pegawai Sains (C41/44) = 5
 - ii. Penolong Pegawai Sains (C29/C32/C38) = 2
 - iii. Pembantu Makmal (C19/C22/C26) = 10
 - iv. Pembantu Operasi (N11/N14/N16) = 5
 - v. Pembantu Keselamatan (KP19/KP22/KP26) = 2
 - vi. Pengawal Keselamatan (KP11/KP14/KP16) = 2
 - vii. Pembantu Tadbir (Pengkeranian/Operasi) (N19/N22) = 2
- Jumlah = 28 orang

● **FEE ORDINANCE**

- a. Fee Ordinance ini telah diangkat untuk semakan Penasihat Undang-Undang (PUU) MOSTI dan kita masih lagi menunggu ulasan di peringkat mereka.

- **ELAUN TUGAS-TUGAS KHAS**

a. Permohonan pemberian elaun tugas khas bagi perjawatan Pegawai Sains, Penolong Pegawai Sains, Pembantu Makmal dan Pembantu Operasi di KIMIA Malaysia yang menjalankan tugas analisis Forensik, Bioteknologi, Pemeriksaan Kapal, Senjata Kimia, Bahan Buangan Terjadual dan Mikotoksin telah dikemukakan kepada MOSTI pada Januari 2023 dan masih lagi didalam semakan MOSTI.

- **PENGGUNAAN GELARAN ChM.**

a. Saya ingin menggalakkan pegawai-pegawai jabatan yang merupakan ahli berdaftar di Insititut Kimia Malaysia (IKM) untuk menggunakan gelaran profesional IKM iaitu ChM. di awalan nama masing-masing.

b. Walaubagaimanapun, gelaran ini hanyalah bagi tujuan pentadbiran dan tidak boleh digunakan bagi tujuan pelaporan analisis jabatan.

PENJAGAAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN DIRI

Hadirin sekalian,

17. Dalam kesibukan berhari raya, perlu diingat bulan Syawal bukan 'tiket' untuk membalas dendam menikmati apa sahaja hidangan, setelah berlapar dahaga selama sebulan.
18. Sudah pasti jika kita gagal mengawal pemakanan pada musim perayaan ini, ia akan memberi kesan buruk kepada diri sendiri.

"Dan infakkanlah (hartamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu jatuhkan (diri sendiri) ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuatbaiklah. Sungguh, Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik."

-Surat Al Baqarah ayat 195

19. Dalam Surah Al Baqarah ini, dijelaskan tentang firman Allah SWT yang menyatakan bahwa orang-orang yang tidak menjaga kesehatan adalah kelompok orang yang menjatukan diri sendiri kepada kemusnahan.

20. Pengambilan makanan tanpa kawalan boleh mendatangkan risiko kepada kesihatan dan memudaratkan badan.
21. Disamping itu, kita perlu juga peka Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini disambut ketika tempoh peralihan Monsun Timur Laut yang menyebabkan cuaca panas berpanjangan di beberapa negeri terutama di utara Semenanjung sehingga bulan Ogos depan.
22. Cuaca panas berpanjangan itu turut dikaitkan dengan strok haba yang menuntut masyarakat lebih berhati-hati ketika berhari raya apatah lagi terdapat laporan berita berhubung kematian kanak-kanak dipercayai disebabkan strok haba.
23. Saya ingin mengambil kesempatan ini, menyeru agar semua Warga KIMIA Malaysia bersama-sama dalam menjaga keselamatan diri dan mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak sebarang perkara tidak diingini berlaku.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

24. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari

Lahir kepada semua warga kerja KIMIA Malaysia yang menyambut hari kelahiran pada bulan Mei.

25. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz
Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

26. Sekian, terima kasih.

----- TAMAT-----